ARAHAN SOALAN: ISI TEMPAT KOSONG DENGAN JAWAPAN YANG BETUL

Tanih

- Tumbuh-tumbuhan semula jadi hidup subur di kawasan tanih mengikut kesesuaian dan ciri-ciri tumbuh-tumbuhan tersebut.
- Tanih ialah lapisan paling atas di permukaan bumi yang terhasil daripada dua bahan, iaitu bahan organik dan bahan bukan organik. Bahan organik terhasil daripada proses pereputan sisa tumbuhan dan bangkai haiwan manakala bahan bukan organik terhasil daripada proses pemecahan batuan akibat tindakan **luluh hawa**.
- Setiap bahan yang mengalami proses pereputan dan pemecahan akan membentuk nutrien tanih yang subur dalam bentuk humus dan garam galian. Komposisi bahan-bahan ini akan menentukan kesuburan tanih serta kesesuaiannya dengan tumbuh-tumbuhan.

_____

- Tanih chernozem merupakan tanah hitam yang terdapat di kawasan padang rumput yang mengalami iklim Steppe
- Sesuai untuk pertumbuhan rumput-rumput, bunga-bungaan dan tumbuhan-tumbuhan renek
- Pada musim sejuk, tanah akan membeku menyebabkan rumput-rumput di kawasan Steppe mempunyai akar yang pendek
- Contoh tumbuh-tumbuhan: *Big bluestem grass, bufallo grass, big bluestem grass, switchgrass, feather grass* dan *fringed sagebrush*
- Contoh hidupan liar: *Coyote, bobcat, badger* dan *Saiga antelope*

_____

- Tanih permafrost merupakan tanih beku disebabkan suhu yang sejuk melampau
- Tanih permafrost adalah kurang subur, sejuk dan membeku sepanjang tahun menyebabkan hanya tumbuhan yang mempunyai daya tahan yang tinggi sahaja mampu hidup di kawasan tanih ini
- Contoh tumbuh-tumbuhan: Liken, lumut, kulampair, *willow, birch* dan *health*
- Contoh hidupan liar: Beruang kutub, karibu, musang Artik, arnab Artik dan *lemming*

LIVEWORKSHEETS

- Kawasan Gurun Panas dilitupi oleh tanih aridisols yang bermaksud tanih kering dan tandus
- Hanya tumbuhan yang mempunyai akar yang panjang untuk menyerap air di dalam tanah sahaja mampu hidup di kawasan ini
- Tanih pasir yang kering dan tandus menyukarkan pergerakan dan menjadikan hidupan liar di Gurun Panas kurang aktif terutama pada siang hari
- Contoh tumbuh-tumbuhan: Pokok kaktus, pokok akasia dan pokok kurma
- Contoh hidupan liar: Unta, rusa *gazelle*, *oryx*, musang *fennec* dan tikus jerboa

- Tekstur tanih latosol ada pelbagai bentuk sama ada berpasir, liat atau lembap serta berwarna merah atau kuning
- Hutan Hujan Tropika dan Hutan Monsun Tropika tumbuh dengan padat, tinggi dan mempunyai pelbagai spesies tumbuh-tumbuhan
- Keadaan ini menyebabkan kedua-dua hutan ini menjadi habitat pelbagai jenis hidupan liar yang bergantung sepenuhnya kepada ekosistem hutan sama ada sebagai tempat tinggal ataupun untuk mencari pelbagai sumber makanan
- Contoh tumbuh-tumbuhan: Pokok jati, cendana, mahogani dan jelutong
- Contoh hidupan liar: Gajah, harimau, beruang, kancil dan cerpelai

LIVEWORKSHEETS

- Tanih podzol adalah nipis, berasid dan beku
- Tumbuh-tumbuhan semula jadi yang tumbuh di kawasan ini mempunyai akar yang pendek dan tidak menerjah jauh ke dalam tanah
- Tanih podzol yang nipis dan beku di bawahnya telah memudahkan hidupan liar bergerak mencari makanan
- Pokok-pokok renek yang tumbuh di permukaan menjadi sumber makanan dan habitat pelbagai hidupan liar di Hutan Konifer
- Contoh tumbuh-tumbuhan: Pokok pain, cedar, *birch*, fir dan sprus
- Contoh hidupan liar: *Moose, elk, lynx, brown bear* dan harimau Siberia

- Merupakan campuran tanah liat dan pasir, warna merah atau coklat kemerahan
- Tanih terra rossa menggalakkan pertumbuhan Hutan Mediterranean yang terdiri daripada hutan bangkut dan juga hutan pokok tirus di kawasan tanah tinggi
- Tanih ini juga sesuai menjadi habitat pelbagai jenis hidupan liar
- Contoh tumbuh-tumbuhan: Rosemary, lavender, laurel dan pain
- Contoh hidupan liar: Serigala, rusa, landak dan helang

LIVEWORKSHEETS

LIVEWORKSHEETS